

**Parlimen: RM1.2 Juta Wang Ehsan Disalur Untuk Mangsa Banjir Sarawak
Bernama
5 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Kira- kira RM1.2 juta wang ehsan telah dan sedang disalurkan oleh kerajaan kepada semua mangsa yang terjejas akibat banjir di Sarawak pada November hingga Februari lepas, Dewan Rakyat diberitahu Khamis.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong berkata wang ehsan itu disalur secara berperingkat bermula 22 Feb lepas.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Nancy Shukri (BN-Sadong) pada persidangan Dewan Rakyat, di sini.

Nancy bertanya sama ada mangsa banjir di Sarawak juga akan diberi bantuan wang ehsan banjir selepas banjir melanda negeri itu pada akhir tahun lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657246>